

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

1. Selepas kejatuhan Kerajaan Pusat Pakatan Harapan, adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang baru di bawah naungan Kerajaan Negeri?
 - (a) Jika ya, apakah struktur yang akan diguna pakai?
 - (b) Berapakah elaun pengerusi, setiausaha dan ahli jawatankuasa?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan MPKK negeri tetapi masih menggunakan MPKK sedia ada di mana pelantikan adalah sehingga 31 Disember 2020.
 - (a) Sehingga hari ini Kerajaan Negeri masih menggunakan struktur MPKK sedia ada.
 - (b) Elaun Pengerusi, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa di bawah MPKK adalah masih sama seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Peruntukan Elaun MPKK Oleh KPLB

ELAUN	KIRAAN ELAUN	JUMLAH (RM)
Pengerusi	RM500.00 x 363 MPKK x 12 bulan	2,178,000.00
Setiausaha	RM300.00 x 363 MPKK x 12 bulan	1,306,800.00
Pengendalian Mesyuarat	RM600.00 x 363	217,800.00
Kehadiran Mesyuarat	RM50.00 x 11 Ahli x 363 MPKK x 6 bulan	1,197,900.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		4,900,500.00